

PM tegaskan kemelut tanah Jalan Masjid India dikendali ikut undang-undang

Isu kuil selesai

Oleh **NUR AINA HANIS**
ABD. HALIM dan FITRI NIZAM
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Isu pemindahan kuil di Jalan Masjid India selesai apabila pihak pengurusan rumah ibadat itu bersetuju untuk berpindah ke tapak baharu yang terletak hanya 50 meter dari lokasi asal.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, apa

sahaja isu yang berbangkit jika dibawa ke meja rundingan pasti akan dapat diselesaikan dengan baik.

Lagi pula katanya, negara ini mempunyai undang-undang yang mana semua pihak perlu patuhinya.

“Kita negara hukum, kena ikut hukum. (Tetapi) oleh kerana hendak jaga hubungan antara kaum, kita lakukan rundingan dengan baik kerana itu tem-

pat kepercayaan dan amalan agama,” katanya ketika berucap pada Sambutan Peringatan Hari Polis Ke-218 di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (Pulapol), di sini semalam.

Cuma beliau kesal ada pihak yang memainkan naratif dan sentimen berniat jahat bahawa pembinaan masjid di tapak tersebut akan menyebabkan kuil berkenaan dirobohkan.

Katanya, dalam cadangan

pembinaan Masjid Madani, tidak pernah dibincangkan soal meroboh rumah ibadat penganut agama lain.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa tanah itu memiliki tuan yang mana ia memerlukan kebenaran jika mahu membina apa-apa struktur bangunan termasuk rumah ibadat.

Bersambung di muka 3

Isu kuil selesai

Dari muka 1

Sehubungan itu kata Perdana Menteri, majlis meletakkan batu asas pembinaan masjid di atas tapak yang menjadi ‘pertikaian’ itu akan diteruskan esok.

“Masjid di kawasan berdekatan kini sudah sesak dan perlu adanya tempat baharu. Jadi sebab itu saya akan teruskan meletakkan batu asas masjid pada 27 hari bulan ini (esok),” katanya.

Jakel Trading Sdn. Bhd. (Jakel) yang merupakan pemilik tanah berkenaan telah mewakafkan aset tersebut bagi pembinaan masjid.

Polemik isu pembinaan Mas-

jid Madani menjadi hangat apabila pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Lawyers for Liberty (LFL) dan bekas Presiden Majlis Peguam Malaysia, Datuk S. Ambiga mempertikaikan persetujuan Perdana Menteri untuk merasmikan pembinaan masjid tersebut.

Anwar berkata, dalam pembinaan masjid itu, pihak berkuasa akan memastikan kuil di tapak masjid itu dipindahkan secara baik dengan diberi ganti rugi walaupun tidak perlu dan ditempatkan ke kawasan baharu atas ihsan DBKL.

“Jawatankuasa (kuil) setuju berunding, tetapi ada penghasut-penghasut entah dari mana

dengan bicara yang melampau (bahawa) saya ini sebagai orang Islam hendak hancurkan semua penganut agama Hindu. Tidak sama sekali.

“Tidak pernah diajar oleh agama saya untuk memusuhi atau merosakkan harta benda mereka, tetapi jangan mereka anggap kita ini lemah.

“Ada masjid di Lahad Datu dirobohkan kerana tak ikut aturan, surau di Perak dirobohkan kerana enggan (patuh) majlis agama dan ada masjid di Sentul yang dirobohkan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun kuil Dewi Sri Pathrakaliamman akan dipindahkan

dengan diberi tapak baharu oleh DBKL, namun ia tidak menunjukkan bahawa semua kuil tanpa permit akan mendapat layanan sama.

“Biarlah soal teknikal masjid (berusia) 50 tahun atau kuil (berusia) 100 tahun, tak mengapa, jangan robohkan (tetapi) pindahkan dengan baik.

“Tetapi tak semestinya setiap kuil yang tidak mendapat permit tanah, harus diberikan tanah ganti oleh kerajaan. Sekarang ada 130 kuil yang tidak ada permit di Kuala Lumpur, (lebih) 300 di Kedah dan entah berapa ratus di Perak. Tak boleh begitu,” katanya.